

28 JUL 2002

Aids (Bergambar)

PAMERAN 'POSITIF LIVES' TINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Peningkatan jangkitan HIV/AIDS bukan hanya berpunca daripada golongan bermasalah tetapi juga akibat kurang maklumat dan kefahaman masyarakat mengenai cara jangkitan dan pencegahannya, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau berkata masyarakat perlu diingatkan bahawa bukan semua penghidap HIV/AIDS dijangkiti atas sebab gejala sosial.

Stigma dan diskriminasi masyarakat perlu diperbetulkan dalam usaha menangani masalah itu, katanya ketika merasmikan Pameran 'Positive Lives' di sini, hari ini.

Pameran itu diadakan dengan tujuan menangani isu stigma dan diskriminasi yang dihadapi oleh mereka yang dijangkiti HIV/AIDS melalui pendekatan kemanusiaan.

"Saya yakin dan percaya pameran 'Positive Lives' ini adalah satu langkah terbaik ke arah menangani isu stigma dan diskriminasi HIV/AIDS," katanya.

Dengan adanya pameran seperti itu, ia dapat menjadi peringatan dan seruan kepada masyarakat untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran masing-masing mengenai isu HIV/AIDS, katanya.

"Pameran ini juga mengingatkan kepada masyarakat bahawa mereka (penghidap HIV/AIDS) masih mampu memainkan peranan besar dalam pembangunan negara dengan menyumbangkan tenaga dan idea mereka," katanya.

Pameran anjuran PT Foundation (dulunya dikenali sebagai Pink Triangle) itu merupakan sebahagian daripada program Pameran Fotografi Antarabangsa Positive Lives yang akan berlangsung sehingga Disember depan.

Sebelum itu, acara dimulakan dengan perarakan amal gaya bebas sejauh dua kilometer dari Dataran Merdeka ke Lorong Haji Taib Satu yang dilepaskan oleh Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Bertemakan 'Share Your Vision for a Brighter Tomorrow' (Kongsi Wawasan Anda Bagi Masa Depan Lebih Cerah), perarakan yang disertai pelbagai organisaasi itu turut membawa sepanduk, kemeja t, dan poster yang merupakan ekspresi masyarakat mengenai isu HIV/AIDS.

-- BERNAMA

SNS AZZ PR